

## **Ucapan Siri Cendekiawan Lestari**

Haji Maarof Salleh

Yayasan Warisan Melayu (MHF)

Ucapan Dr Norshahril Saat

Pengerusi MHF

3 July 2021

1. Selamat datang kepada semua yang hadir di pagi ini, di Auditorium Taman Warisan Melayu. Salam juga buat mereka yang mengikuti acara ini secara langsung di Facebook dan Youtube
2. Ini adalah kuliah Siri Cendekiawan Lestari yang ketiga. Kali ini, kami amat berbesar hati dengan kehadiran tokoh mapan dalam masyarakat kita, Haji Maarof Salleh, atau lebih dikenali sebagai Cikgu Maarof Salleh.
3. Matlamat utama siri ini adalah untuk mengiktiraf sumbangan ilmuan dalam masyarakat kita, terutama sekali mereka yang berkarya atau berwacana dalam menggunakan pendekatan ilmu masyarakat.
4. Siapakah seorang cendekiawan? Di sini, kita perlu berbalik kepada definisi siapakah yang layak untuk bergelar intelektual. Definisi intelektual berbeza dengan inteligensia. Intelektual adalah seorang yang memikirkan tentang masalah dalam masyarakat, mencari punca masalah tersebut, dan cuba ke arah solusi yang terbaik. Misalnya, seorang intelektual tidak akan terburu-buru menyalahkan budaya atau sikap sebagai punca masalah. Seorang cendekiawan akan teliti sebab dan akibat sesuatu masalah dengan menyeluruh. Dalam masa yang sama, seorang intelektual tidak semestinya berjawatan Profesor, malah tidak semestinya memiliki ijazah, tetapi berfikiran tajam.
5. Sesuai dengan harapan kami di Yayasan Warisan Melayu (MHF) untuk mengukuhkan kajian dan dokumentasi tentang masyarakat kita, maka CLS ini dianjurkan. Mungkin

di luar sana, banyak sekali usaha-usaha untuk membukukan aspek-aspek warisan, budaya, makanan, tarian, institusi, yang disebut sebagai aspek warisan yang ketara atau *tangible*. Kini ada pula usaha untuk mengiktiraf warisan yang berbentuk tidak ketara atau *intangible*. Kita hargai sumbangan ke arah dua aspek warisan ini, tetapi apa lagi yang masih kurang? Bagaimana pula usaha kita dalam merakam pemikiran intelektual?

6. Mari kita renung. Sebagai contoh, kita masih boleh raih manfaat daripada catatan-catatan Munsyi Abdullah yang ditulis dua kurun yang lalu. Kita masih boleh membahaskan tulisan-tulisan beliau hingga hari ini. Kadangkala, kritikan sosial beliau masih relevan hingga ke hari ini, seperti kritikan beliau terhadap masyarakat feudal Melayu. Catatan-catatan ini bukan bersifat emotif, tidak pula untuk meraih pendapatan atau keuntungan. Begitu juga dengan tulisan-tulisan Syed Shaikh Al-Hadi, dengan harapan beliau untuk memajukan masyarakat Islam menurut tuntutan semasa. Buku beliau *Islam dan Akal* masih lagi dibincangkan dan baru-baru ini diterbitkan semula.
7. Di Indonesia, ada usaha untuk membangunkan budaya intelektual mereka, seperti membahaskan karya-karya Nurcholis Madjid, Abdulrahman Wahid, Syafii Maarif, dan Kyai Ahmad Dahlan. Saya sendiri masih membaca karya-karya Almarhum Hamka, kerana tafsirnya itu banyak merungkai tentang sejarah Kolonial Belanda dan di bawah rejim Sukarno. Di Malaysia, ada usaha menerbitkan semula karya-karya Syed Hussein Alatas dan Chandra Muzaffar. Bagi saya itulah ukuran seorang pemikir. Ketajaman seorang pemikir boleh menjangkau dua atau tiga dekad ke hadapan.
8. Kadangkala, bicara cendekiawan itu disampaikan secara langsung lewat tulisan di akhbar, buku, penerbitan, kadangkala cendekiawan bersifat puitis, atau menggunakan wadah-wadah sastera. Di arus media sosial sekarang ini, ramai yang boleh bersuara. Ini adalah hakikat. Cuma, saya khuatir, suara-suara intelek bakal tenggelam di sebalik arus ini.
9. Usaha Yayasan Warisan Melayu ini adalah untuk tidak membiarkan suara-suara cendekiawan ini tenggelam. Justeru kami berusaha untuk merakamnya, dan supaya

kita terus berwacana demi kemajuan masyarakat. Setiap ucapan cendekiawan ini akan kita rakam dan terbitkan, dan akan kita muatnaik dalam lelaman kami di [www.mhf.org.sg](http://www.mhf.org.sg). Boleh lihat ceramah-ceramah sebelum ini di bawah segment program dan inisiatif. Selain itu, maklumat mengenai acara-acara yang dianjurkan MHF tersebut boleh didapati di wadah media sosial yang lain seperti Facebook, YouTube dan juga, baru-baru ini LinkedIn. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan bahawa tarikh akhir pencalonan bagi Hadiah Warisan & Tunas Warisan telah dilanjutkan sehingga 24 September 2021! Sekiranya, anda mengenali seseorang yang layak menjadi penerima anugerah ini, kami amat mengalu-alukan pencalonan mereka serta sokongan anda.

10. Kami berbesar hati kerana Haji Maarof Salleh setuju untuk menyampaikan kuliah Cendekiawan Lestari yang ketiga ini. Sedikit latar belakang pembicara kita hari ini. Haji Maarof pernah menjadi Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan pernah berkhidmat sebagai Zamil Pelawat Kanan di ISEAS (kini ISEAS-Yusof Ishak Institute) dan Zamil (Penulis Undangan) di Jabatan Pengajian Melayu NUS. Beliau juga pernah menjadi seorang guru di maktab rendah, dan pensyarah sambilan di NIE/NTU dan UniSIM. Beliau juga pernah menyumbang bakti kepada institusi penting seperti LBKM, Yayasan MENDAKI dan CCIS. Kini, sebagai pesara, Maarof banyak menulis di bidang sastera terutama puisi dan cerpen. Karyanya pernah menang Hadiah Persuratan untuk penulisan esei dan cerpen. Cerpennya, “Kereta Api”, telah terpilih sebagai pemenang pertama dalam Anugerah Pena Emas peringkat nasional. Setakat ini 8 bukunya telah diterbitkan.